

**Guna Baki Masa Untuk Perhebatkan Kempen - Muhyiddin  
Bernama  
3 Mei, 2013**

MUAR, 3 Mei (Bernama) -- Berbaki sehari sahaja lagi menjelang pengundian bagi pilihan raya umum ke-13 Ahad ini, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yasin menggesa semua jentera Barisan Nasional (BN) supaya menggandakan usaha dengan bekerja lebih kuat agar parti gabungan itu meraih kemenangan.

Muhyiddin, yang juga Timbalan Pengerusi BN, berkata masa yang ada ini akan menjadi penentu kepada kejayaan parti dan beliau mengingatkan jentera parti supaya tidak mudah berasa selesa dengan usaha yang telah dilakukan.

"Kita tidak boleh ambil mudah, terlalu confident, over confident... dah merayakan kejayaan siang-siang walaupun orang belum lagi mengundi.

"Kerja hanya selesai sehingga jam 5 petang lusa sehingga pusat mengundi tutup barulah kita boleh berehat. Selepas itu barulah boleh balik menunggu keputusan, selagi tidak selesai tidak boleh rehat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis penyerahan surat tawaran dan kunci Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RR1M) di Kampung Renchong di sini hari ini.

Majlis itu turut dihadiri isteri beliau, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman dan Pengarah Syarikat Perumahan Negara Berhad Datuk Ir Haron.

Muhyiddin mengucapkan terima kasih kepada jentera parti di semua peringkat termasuk komponen parti di Sabah dan Sarawak yang bertungkus lumus untuk memastikan kemenangan BN.

Katanya, beliau tidak pernah melihat semangat juang jentera yang begitu tinggi seperti yang berlaku sekarang kerana mereka tahu parti menghadapi cabaran getir dalam pilihan raya kali ini.

Beliau tidak lupa merakamkan penghargaan kepada media yang turut sama memainkan peranan dalam memberi liputan kepada parti.

Dalam majlis itu, Muhyiddin menyerahkan 17 pucuk surat tawaran dan kunci rumah kepada penduduk yang layak di kampung berkenaan.

Kerajaan BN mewujudkan program RR1M untuk membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga kurang berkemampuan yang masih belum memiliki rumah kekal atau tinggal di rumah usang tetapi mempunyai tanah yang sesuai untuk pembinaan rumah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=947244>